



Submission date: 02/05/2020

Accepted date: 05/8/2020

PENDEKATAN DAKWAH NABI SAW TERHADAP WANITA MENURUT AL-SUNNAH

The Approach of the Prophet's Preaching upon Women according to al-Sunnah

Mohd Siroj bin Abdul Lathiff & Roshimah Shamsudin
Universiti Sains Malaysia

roshimah@usm.my

Abstrak

Pendekatan dakwah yang diambil oleh Nabi SAW terhadap kaum wanita disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai berbentuk kekerasan, hinaan dan merendahkan martabat mereka. Tanggapan tersebut bertitik-tolak daripada kefahaman yang salah terhadap hadith-hadith sahih berkaitan interaksi Nabi SAW terhadap kaum wanita khususnya yang terdapat dalam kitab-kitab hadith induk. Justeru, artikel ini bertujuan mengkaji pendekatan dakwah Nabi SAW terhadap kaum wanita berdasarkan hadith-hadith terpilih terutamanya yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* dengan membincangkan pandangan ulama hadith terhadap maksud dan konteks hadith. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif dilaksanakan bagi mendapatkan data-data daripada sumber primer seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan kitab *Sunan* yang lain. Data-data tersebut dianalisis berdasarkan metode induktif dan deduktif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah Nabi SAW terhadap kaum wanita adalah pelbagai, berdasarkan situasi dan kesesuaian. Antaranya adalah pendekatan dakwah yang berbentuk galakan, ancaman, perumpamaan dan penceritaan yang setiap satunya mempunyai kriteria-kriteria tertentu. Dalam hal ini, pendekatan yang dipraktikkan oleh Nabi SAW menjadi asas dalam membentuk kaedah dakwah yang berkesan terhadap kaum wanita.

Kata kunci: pendekatan, dakwah, Nabi SAW, wanita, al-Sunnah.

Abstract

The approach engaged by the Prophet (PBUH) to preach women were deemed by some as harsh, insulting and a degradation. These responses stem from misconstruing authentic hadiths pertaining to the Prophet's interactions with women, especially those found in the major hadith compilations. Therefore, this article aims to study the Prophet's approach to women based on selected hadiths, especially those found in *al-Kutub al-Sittah* by discussing the views of the hadith scholars on the intent and context of the hadith. To achieve this purpose, a qualitative study was conducted to obtain data from primary sources such as *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* and other *Sunnans*. The data were analyzed based on inductive and deductive methods. The findings of the study show that the Prophet's preaching approach to women was varied, based on the situation and the suitability. Among those are in the form of encouragement, threats, parables and storytelling each of which has its own certain criteria. In this regard, these approaches practised by the Prophet (PBUH) was foundational in establishing an effective methods of preaching upon women.

Keywords: approach, preaching, the Prophet, women, al-Sunnah.

PENDAHULUAN

Dakwah Islam disebarluaskan oleh Nabi SAW kepada seluruh umat manusia dengan kaedah, uslub dan manhaj yang diwahyukan oleh Allah SWT (Zaidan, 2002). Sejarah dengan itu, Nabi SAW ialah suri teladan pendakwah yang diutuskan kepada seluruh umat manusia termasuk wanita (Ghalus, 1978). Buktinya Nabi SAW sendiri mengakui bahawa tugas dakwah baginda adalah terhadap sekalian makhluk termasuk wanita sebagaimana sabdanya seperti berikut (Muslim, 1998):

وأَرْسَلْتُ إِلَى الْخَلْقِ كَافَّةً، وَخُתِّمْ بِي النَّبِيُّونَ

Maksudnya: "Aku telah diutuskan kepada semua makhluk secara keseluruhan dan aku adalah penutup sekalian nabi"

Ibn Taimiyyah (w. 1328H) dalam mensyarahkan hadith di atas menyatakan bahawa Nabi SAW membawa risalah dakwah yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah terhadap seluruh komuniti yang wujud ketika iaitu merangkumi golongan Yahudi, Nasrani, Musyrikin dan penyembah berhala malah lelaki mahupun wanita serta tidak terkecuali golongan jin (Ibn Taymiyyah, 1993). Selaras dengan itu, al-'Amrani dalam kajiannya *Da'wah al-Nabi SAW li al-Nisa'* membuktikan wujudnya hadith-hadith yang menunjukkan Nabi SAW tidak pernah meminggirkan wanita sebagai sasaran dakwah malah sama penting dengan tuntutan dakwah terhadap lelaki. Bahkan hadith-hadith tersebut mengambarkan bahawa dakwah terhadap wanita lebih ditekankan kerana wanita bakal mencorakkan pembinaan sesuatu bangsa melalui pembentukan generasi masa hadapan sesuatu bangsa (Al-'Amrani, 1998). Berikutan itu, jelas

bahawa wanita antara sasaran yang menjadi tumpuan dakwah Nabi SAW selain kaum lelaki. Tidak hairanlah Nabi SAW amat prihatin terhadap dakwah dalam kalangan kaum wanita sehingga meninggalkan pesanan khusus agar ditunaikan hak-hak wanita di samping menjaga pergaulan terhadap mereka sebagaimana sabda baginda seperti berikut (Al-Bukhari, t.t):

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ فَإِنَّ الْمُرْأَةَ حُلْقَتْ مِنْ ضَلَاعِ

Maksudnya: “Terimalah wasiatku mengenai wanita kerana sesungguhnya wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk.”

Ibn Hajar al-‘Asqalani (w. 852H) menyatakan bahawa Rasulullah SAW menggesa agar menerima wasiat baginda tentang kaum wanita dan amalkan wasiat tersebut serta bersikap lemah lembut di samping memergauli mereka dengan baik (Ibn Hajar, 2011). Sehubungan itu, Nabi SAW menyarankan agar kaum wanita perlu sentiasa diberikan pesanan yang baik kerana mereka memikul pelbagai peranan dalam masyarakat sehingga pembentukan masyarakat yang ideal disifatkan bertitik tolak daripada kaum wanita. Dalam erti kata lain, sekiranya mereka baik maka sudah pasti masyarakat keseluruhannya akan menjadi baik atau sebaliknya. Justeru, seruan dakwah amat penting agar wanita sentiasa memikul tanggungjawab dan amanah seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT (Ashur, 2005).

Oleh itu, menurut Zaidan terdapat banyak hadith yang memperlihatkan pendekatan dakwah Nabi SAW yang telah diterjemahkan secara praktikal sepanjang berlangsungnya dakwah baginda. Justeru, pendakwah memikul amanah dalam mencontohi dan mempraktikkan pendekatan dakwah tersebut dalam memastikan keberkesanan dakwah (Zaidan, 2002). Sirah perjuangan dakwah Nabi SAW selama 23 tahun sama ada dalam fasa dakwah di Mekah atau di Madinah telah memaparkan kepelbagaiannya pendekatan baginda dalam berinteraksi dan berkomunikasi khususnya terhadap wanita. Oleh itu, aplikasi pendekatan dakwah terhadap wanita perlu dihidupkan semula dalam berinteraksi dan bermuamalah dengan mereka mengikut acuan Nabi SAW bagi memastikan kejayaan dakwah Islamiah terlaksana dengan sempurna. Justeru, penulisan artikel ini akan menganalisis pendekatan dakwah Nabi SAW terhadap kaum wanita menurut al-Sunnah iaitu berdasarkan riwayat-riwayat hadith yang berstatus *sahih* dan *hasan* yang terdapat dalam karya induk hadith khususnya *al-Kutub al-Sittah* antaranya seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan *Sunan Abi Dawud* serta karya-karya lain.

MAKSUD PENDEKATAN DAKWAH

Pendekatan dakwah yang dimaksudkan dalam penulisan ini pada asasnya mempunyai pertalian dengan satu istilah yang berasal daripada bahasa Arab iaitu *uslub*. Perkataan *uslub* dapatlah ditakrifkan sebagai kajian tentang kaedah penyampaian dakwah atau

sains cara berdakwah (Abd Aziz, 2001). Di samping itu, menurut al-Bayanuni pula *uslub* ialah kaedah yang digunakan oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya atau kaedah dalam melaksanakan manhaj dakwah (Al-Bayanuni, 1995). Bahkan kenyataan ini disokong oleh al-Ghamidi yang turut berpandangan bahawa perkataan *uslub* merujuk kepada keseluruhan kaedah dalam penyampaian sama ada melalui perkataan atau perbuatan yang digunakan oleh pendakwah untuk menambat hati sasaran dakwah dan meyakinkan mereka agar menerima seruan yang disampaikan (Al-Ghamidi, 2005). Justeru, dapat difahami bahawa *uslub* bermaksud kaedah, metode, pendekatan atau cara dalam penyampaian dakwah bagi mempengaruhi sasaran dakwah bagi menerima kandungan dakwah dengan mudah.

Bagi perkataan dakwah pula, ia adalah kalimah yang berasal daripada bahasa Arab iaitu terbit daripada asal perkataan *da'a*, *yad'u* dan *da'wah* yang mengandungi maksud tersendiri daripada sudut bahasa dan istilah. Maksud dakwah daripada sudut bahasa ialah menyeru seseorang melakukan sesuatu atau memberangsangkan seseorang untuk mendapatkan sesuatu (Wan Hussien, 1984). Sementara itu, dakwah daripada sudut istilah pula menurut Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz bermaksud seruan terhadap manusia kepada agama Allah SWT dengan mengajak mengikuti petunjuk-Nya, menegakkan syariat-Nya di muka bumi, bertauhid, beribadah, memohon pertolongan hanya kepada-Nya, membebaskan diri daripada seluruh sembahannya selain dari Allah SWT serta menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad di jalan-Nya (Al-'Aziz, 1999). Malah menurut Yusuf al-Qaradawi dakwah ialah seruan terhadap manusia kepada Islam supaya mengikuti petunjuk agama dan menegakkan manhaj-Nya di muka bumi, memastikan segala pengabdian diri, permohonan dan ketataan hanya kepada-Nya tanpa ada sekutu, membebaskan dari belenggu segala taghut yang tidak perlu dipatuhi selain Allah SWT, menunaikan hak orang yang diberikan hak oleh Allah SWT dan sebaliknya serta melaksanakan perintah amar makruf dan nahi munkar dan berjihad di jalan-Nya (Al-Qaradawi, 1996).

Oleh yang demikian, menurut Abd Aziz Mohd Zin gabungan perkataan pendekatan dakwah membawa maksud kajian tentang cara dakwah atau sains cara dakwah. Rentetan itu, menurut beliau pendekatan dakwah terdiri daripada dua kategori pengertian iaitu pendekatan dakwah dengan makna khusus dan umum. Pendekatan dakwah khusus merujuk kepada kaedah penyampaian atau bentuk persembahan isi kandungan. Manakala pendekatan dakwah umum pula ialah dakwah yang melibatkan kaedah pemilihan isi untuk disesuaikan dengan sasaran, pemilihan saluran dan media untuk disesuaikan dengan sasaran dan pemilihan bentuk penyampaian yang lebih menarik sasaran menerima dakwah (Abd Aziz, 2001).

Secara kesimpulannya, pendekatan dakwah membawa maksud seni berdakwah atau kemahiran mengajak seseorang kepada petunjuk agama berasaskan cara-cara yang tersendiri sehingga dapat menarik sasaran kepada jalan Allah.

PENDEKATAN DAKWAH NABI SAW TERHADAP WANITA BERDASARKAN AL-SUNNAH.

Dalam menyampaikan dakwah terhadap wanita, beberapa pendekatan dakwah Nabi SAW telah dapat dikenalpasti berdasarkan riwayat-riwayat hadith daripada Nabi SAW. Antara pendekatan tersebut adalah seperti berikut:

Pendekatan yang Berbentuk Galakan

Pendekatan ini pada dasarnya merujuk kepada keinginan atau kesungguhan yang kuat terhadap sesuatu perkara (Ibn Manzur, 2010). Lebih tepat lagi, ia mempunyai pertalian dengan kalimah *al-targhib* yang berasal daripada perkataan bahasa Arab yang terbit daripada kata dasar *raghiba* yang boleh ditafsirkan maksud dari segi bahasa sebagai galakan. Manakala sudut istilah pula bermaksud galakan atau dorongan melakukan kebaikan dan ketaatan serta bersikap konsisten dalam mentaati Allah SWT (Al-Ghazali, 2005). Pendekatan ini juga dikenali sebagai “*al-tabsyir*” iaitu menyampaikan perkhbaran yang mengembirakan terhadap golongan yang taat kepada Allah SWT. Metode “*al-tabsyir*” adalah tugas para rasul yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an sebagai panduan pendakwah (Syed Abdurrahman, 2005). Pendekatan ini adalah model dakwah yang digunakan dalam hadith sebagai sumber galakan terhadap manusia bagi menjinakkan jantung hati mereka mendekati dan mentaati Allah SWT (Al-'Uthaimin, 2007). Justeru, pendekatan ini mempunyai daya tarikan dalam mempengaruhi dan menggerakkan sasaran dakwah beriman dan beramal dengan kebenaran risalah yang disampaikan.

Selain itu, pengkaji mendapati Yusuf al-Qaradawi mengemukakan takrifan yang terperinci berkaitan istilah *al-targhib* iaitu usaha menggalakkan manusia beribadat kepada Allah SWT, melakukan kebaikan, beramal soleh, berakhhlak mulia dan menunaikan segala perintah-Nya seperti mana terkandung dalam al-Qur'an yang telah disampaikan melalui Nabi SAW. Justeru, pendekatan yang berbentuk galakan ini merangsang dan mendorong sasaran dakwah sentiasa berada dalam kebaikan dan ketaatan untuk memperolehi segala ganjaran kebaikan dan pahala seperti mana yang telah dijanjikan oleh Allah SWT sama ada ganjaran kebaikan di dunia atau pun ganjaran pahala di akhirat (Al-Qaradawi 1993).

Berdasarkan perbincangan di atas, difahami bahawa pendekatan yang berbentuk galakan adalah selaras dengan fitrah kemanusiaan yang sering mendambakan ganjaran dan kebaikan keduniaan apatah lagi di akhirat. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan yang berkaitan dengan ganjaran dan balasan baik mampu

mendorong wanita berlumba-lumba mengerjakan kebaikan dan konsisten mentaati perintah Allah SWT. Tambahan pula, penggunaan pendekatan ini begitu penting kerana diperangkat berulang-ulang kali dalam al-Qur'an sehingga pendakwah tidak boleh mengabaikannya dalam dunia dakwah (Zaidan, 2002). Justeru, pendakwah perlu menyampaikan janji-janji ganjaran kebaikan tersebut bagi menawan jiwa wanita agar sentiasa bermotivasi untuk mengerjakan amal soleh dan beribadat bagi memperolehinya.

Hasil penelitian pengkaji mendapati pendekatan berbentuk galakan dibentangkan terhadap wanita dalam pelbagai bentuk dorongan dan rangsangan antaranya dijanjikan tawaran-tawaran kebaikan dan kebahagian di dunia mahupun di akhirat. Namun begitu, hasil penelitian pengkaji mendapati, Abdul Karim Zaidan lebih menekankan pendekatan dalam bentuk ini yang menawarkan ganjaran akhirat berbanding dengan keduniaan. Oleh itu, menurut beliau pada asasnya pendekatan tersebut adalah untuk menggalakkan manusia meraih keredhaan Allah SWT dan ganjaran-Nya yang melimpah ruah di akhirat kerana kenikmatan hakiki bakal diperolehi di akhirat (Zaidan, 2002). Justeru, pendekatan yang bersifat galakan terhadap wanita perlu disampaikan dalam bentuk dorongan serta rangsangan ganjaran akhirat yang meliputi tawaran pahala dan nikmat-nikmat ganjaran syurga seperti yang dapat difahami daripada maksud ayat 124 dalam surah al-Nisa'. Dalam menafsirkan ayat tersebut, Abi 'Ali al-Fadl al-Hasan al-Tabrisi menyatakan bahawa Allah SWT telah menjanjikan semua golongan mukallaf termasuk kaum lelaki dan wanita yang beramal soleh dan beriman akan dimasukkan ke dalam syurga (Al-Tabrisi, t.t).

Selaras dengan itu, al-Mundhiri (w. 656H) menyatakan Nabi SAW menggunakan pendekatan berbentuk galakan terhadap wanita dengan menjanjikan ganjaran syurga atas pengorbanan membesarkan anak-anaknya setelah kematian suaminya (Al-Mundhiri, 2002). Tambahan pula, menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852H) ganjaran syurga yang ditawarkan kepada ibu tunggal tersebut adalah pengiktirafan terhadap pengorbanannya dalam mengasuh anak-anaknya (Ibn Hajar, 2011) sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA daripada Rasulullah SAW seperti berikut (Abu Ya'la, 1984):

أَنَا أَوَّلُ مَنْ يُفْتَحُ لَهُ بَابُ الْجَنَّةِ ، إِلَّا أَنَّهُ تَأْتِي امْرَأَةٌ تُبَدِّرُنِي ، فَأَقُولُ لَهَا : مَا لَكِ ؟
وَمَنْ أَنْتِ ؟ قَوْلُ : أَنَا امْرَأَةٌ قَعْدَتْ عَلَى أَيْتَامٍ لِي

Maksudnya: "Aku (Nabi SAW) adalah orang pertama yang akan membuka pintu syurga melainkan akan datangnya seorang wanita yang ingin mendahului aku. Maka aku bertanya kepadanya: "Apa urusan kamu? Dan siapa kamu? Maka wanita tersebut berkata: "Aku adalah wanita yang duduk bersama (menjaga dan mengurus) anak yatim." Sanad hadith ini

menurut Husain Salim Asad adalah *jayyid* (Abu Ya'la, 1984). Al-Mundhiri menilai *sanadnya* sebagai *hasan* manakala al-Albani menilai hadith ini sebagai *da'if* (Al-Albani, 1992).

Al-Munawi dalam mensyarahkan hadith tersebut menyatakan Nabi SAW telah menggunakan pendekatan berbentuk galakan bagi mengiktiraf pengorbanan seorang wanita yang bergelar ibu tunggal dalam mendidik dan membesarkan anak-anaknya selepas kematian suami. Nabi SAW mengiktiraf pengorbanan wanita tersebut dengan menggambarkan seolah-olah wanita tersebut ingin berlumba-lumba untuk mendahului baginda dalam memasuki syurga sedangkan Nabi SAW adalah orang yang pertama memasuki syurga (Al-Munawi, 1972). Justeru, tawaran ganjaran syurga dan kenikmatannya termasuk dalam kategori pendekatan berbentuk galakan yang dipraktikkan oleh Nabi SAW terhadap wanita sebagai dorongan melakukan amalan kebaikan yang perlu diikuti oleh pendakwah masa kini.

Selain itu, terdapat beberapa hadith yang menunjukkan aplikasi pendekatan berbentuk galakan terhadap wanita oleh Nabi SAW sebagai dorongan dan galakan meningkatkan amal soleh dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selaras dengan itu, al-Mundhiri (w. 656H) menyatakan Nabi SAW menggunakan pendekatan tersebut terhadap Juwairiyah untuk mengalakkannya berzikir sebagaimana yang diriwayatkan daripada Juwairiyah sendiri (Al-Mundhiri, 2002) dalam hadith seperti berikut (Muslim, 1998):

عَنْ جُوَيْرِيَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ مِنْ عِنْدِهَا بُكْرَةً حِينَ صَلَّى الصُّبْحَ،
وَهِيَ فِي مَسْجِدِهَا، ثُمَّ رَجَعَ بَعْدَ أَنْ أَضْحَى، وَهِيَ جَالِسَةٌ، قَالَ: «مَا زَلْتَ عَلَى الْحَالِ
الَّتِي فَارَقْتُكَ عَلَيْهَا؟» قَالَتْ: لَعْمٌ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَقَدْ قُلْتَ بَعْدَكِ أَرْبَعَ
كَلِمَاتٍ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَوْ وُزِّنَتْ بِمَا قُلْتَ مِنْذُ الْيَوْمِ لَوْرَتَنْهُنَّ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، عَدَّ
خَلْفِهِ وَرَضَنَا نَفْسِهِ وَرَزَنَةَ عَرْشِهِ وَمَدَادَ كَلِمَاتِهِ»

Maksudnya: “Daripada Juwairiyah bahawa Nabi SAW keluar menunaikan solat subuh dan pada ketika itu Juwairiyah sedang berada di tempat solatnya. Kemudian baginda pulang setelah menunaikan solat duha sementara Juwairiyah masih tidak berganjak daripada tempat duduknya. Seraya baginda bertanya: “Adakah engkau masih dalam keadaan sebagaimana aku tinggalkan tadi?” Lantas dijawab oleh Juwairiyah: “Ya”. Lalu baginda berkata: “Aku telah mengucapkan empat kalimat sebanyak tiga kali setelahmu, yang mana seandainya kalimat-kalimat itu ditimbang dengan apa yang kamu ucapkan sepanjang masa mulai pada pada pagi tadi sudah pasti ucapan itu akan lebih berat iaitu: “Subhanallah wa bihamdihi ‘adada khalqih wa rida nafsihi wa zinata ‘arsyih wa midada kalimatih”

Syah Wali Allah al-Dihlawi (w. 1176H) menyatakan Nabi SAW menggunakan pendekatan berbentuk galakan dalam mengajar Juwairiyah agar memperbanyakkan amalan berzikir. Suruhan Nabi SAW terhadap Juwairiyah dengan bentuk zikir khusus mempunyai kelebihan yang besar malah menyamai ganjaran pahala zikir-zikir lain yang diucapkan dalam tempoh yang panjang (Al-Dihlawi, 1990). Jelaslah, tujuan Nabi SAW mengajar zikir khusus terhadap Juwairiyah mengandungi pendekatan berbentuk galakan terhadap wanita. Nabi SAW mempamerkan pendekatan tersebut sebagai dorongan terhadap wanita agar lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT selain memudahkan mereka memperolehi ganjaran pahala yang besar hanya dengan amalan zikir yang mudah.

Sehubungan itu, Nabi SAW telah mempraktikkan penggunaan pendekatan berbentuk galakan terhadap wanita sebagai dorongan dan rangsangan untuk mereka meningkatkan amal soleh dan ketaatan kepada Allah SWT. Misalnya terhadap Fatimah puteri Nabi SAW, Ummu Bajid al-'Ansari, Ummu Sulaim, dan juga terhadap Ummu Humaid. Justeru, pendakwah mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menghidupkan semula pendekatan berbentuk galakan terhadap wanita.

Kesimpulannya, pendakwah perlu menyampaikan pendekatan berbentuk galakan dengan menjelaskan ganjaran-ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT terhadap wanita sama ada merangkumi segala kebaikan di dunia mahu pun di akhirat. Penggunaan pendekatan seumpama ini dapat melahirkan generasi wanita yang istiqamah dalam beribadat kepada Allah SWT dengan sentiasa konsisten dalam melakukan kebaikan, beramal soleh dan berakhhlak mulia serta menunaikan segala perintah-Nya sebagaimana yang telah disampaikan Nabi SAW bagi mencapai misi dakwah yang sebenar.

Pendekatan yang Berbentuk Amaran

Pendekatan ini, daripada sudut bahasa Arab berasal daripada perkataan *al-tarhib* yang terbit daripada pangkal kata *rahaba* yang bermaksud sesuatu yang menakutkan atau mengerunkan (Ibn Manzur, 2010). Kalimah ini daripada sudut istilah pula mengandungi maksud semua bentuk amaran yang boleh menimbulkan ketakutan terhadap sasaran dakwah sekiranya mereka menolak kebenaran risalah dakwah yang disampaikan (Zaidan, 2002). Pendekatan ini juga dikenali sebagai “*al-tandhir*” iaitu memberikan khabar berita yang berbentuk amaran dan peringatan kepada golongan yang engkar kepada Allah SWT. Apa yang penting, pendekatan ini adalah tugas para rasul yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an sebagai panduan pendakwah (Syed Abdurrahman, 1996). Sehubungan itu, dapat difahami bahawa pendekatan yang berbentuk amaran ini menyeru sasaran agar menjauhkan diri daripada melakukan

kemaksiatan dan penderhakaan terhadap Allah SWT. Kaedah penyampaiannya adalah dengan memberikan amaran dan menimbulkan perasaan gerun dalam diri orang yang ingin melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh agama (Abd Aziz, 2001). Oleh itu, pendekatan berbentuk amaran perlu digunakan oleh pendakwah untuk menimbulkan kegerunan dan ketakutan terhadap kemurkaan Allah SWT sama ada terhadap golongan yang menolak risalah dakwah atau golongan yang ingkar dengan perintah-Nya khususnya dalam kalangan wanita.

Selain itu, pengkaji mendapati Yusuf al-Qaradawi mengemukakan takrifan yang bersifat lebih terperinci berkaitan istilah *al-tarhib* iaitu sebarang usaha mengerunkan manusia daripada segala perkara yang dapat menjauhkannya dengan Allah SWT sama ada melalui pengabaian tuntutan kefardhuan, memandang enteng dalam menunaikan hak-hak-Nya dan hak-hak hamba-Nya dengan melakukan semua perkara jahat dan keji yang ditegah Allah SWT dalam semua aspek kehidupan. Antara keistimewaan pendekatan berbentuk amaran ialah dapat mengawal manusia dengan menimbulkan kegerunan dalam jiwa mereka agar tidak melanggar batas-batas ketentuan Allah SWT melalui janji-janji buruk yang disediakan kepada golongan yang menderhakai-Nya serta melanggar manhaj-Nya dengan azab di dunia mahu pun di akhirat (Al-Qaradawi, 1993). Justeru, pendekatan berbentuk amaran adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh para rasul termasuk Nabi SAW terhadap kaum mereka dalam usaha menyampaikan dakwah (Zaidan, 2002). Oleh itu, pendakwah amat disarankan menggunakan pendekatan ini bagi membendung sasaran dakwah khususnya wanita daripada terjebak dalam kemurkaan Allah SWT. Tambahan pula, secara fitrahnya manusia sangat berhati-hati dan berwaspada dalam tindakan sehari-hari agar tidak terjebak dalam perkara-perkara yang menyakitinya, merugikan diri atau kepunyaannya serta menyusahkan kehidupannya di dunia apatah lagi di akhirat. Justeru, sifat takut dan gerun yang dimiliki oleh manusia adalah kekuatan pendekatan ini bagi mencapai misi dakwah.

Hasil penelitian pengkaji mendapati pendekatan berbentuk amaran dibentangkan terhadap wanita dalam pelbagai bentuk ancaman dan kemurkaan Allah SWT sama ada berbentuk balasan buruk di dunia mahu pun azab siksaan di akhirat. Hukuman dan balasan buruk di dunia atau pun di akhirat adalah termasuk di bawah pendekatan berbentuk amaran bagi mengawal wanita daripada terjerumus ke dalam perkara-perkara yang dilarang dalam agama dan menderhakai Allah SWT.

Sehubungan itu, terdapat petunjuk daripada Nabi SAW dalam menggunakan pendekatan berbentuk amaran terhadap wanita sebagai ancaman dan amaran agar sentiasa mentaati perintah Allah SWT dan rasul-Nya. Ini sebagaimana teguran Nabi SAW yang berbentuk amaran terhadap wanita yang bernama Asma' binti Yazid

berkaitan kewajipan mengeluarkan zakat perhiasan wanita dalam hadith berstatus *hasan*, seperti berikut (Abu Dawud, 2002):

أن امرأة أتت رسول الله صلى الله عليه وسلم ومعها ابنة لها وفي يد ابنتها مسكتان
غليظتان من ذهب فقال لها أتعطيني زكاة هذا قالت لا قال أيسرك أن يسورك الله بهما
يوم القيمة سوارين من نار قال فخلعتهما فألقتهما إلى النبي صلى الله عليه وسلم وقالت
هـما عز وجل ولرسوله

Maksudnya: "Sesungguhnya seorang wanita telah datang menemui Rasulullah SAW bersama anak perempuannya yang memakai pada tangannya dua gelang besar yang diperbuat daripada emas. Lalu Rasulullah SAW bertanya kepadanya: "Apakah engkau telah mengeluarkan zakat untuk ini (dua gelang emas)?". Wanita tersebut menjawab: "Belum". Kemudian Rasulullah SAW berkata: "Apakah engkau sanggup sekiranya Allah SWT memakaikan kepada engkau pada hari kiamat dengan dua gelang daripada api neraka?." Lantas wanita itu menanggalkannya dan memberikannya kepada Nabi SAW sambil mengatakan: "Kedua-dua gelang tersebut adalah untuk Allah SWT dan rasul-Nya."

Menurut Badr al-Din al-'Aini (w. 855H) hadith di atas menunjukkan bahawa wanita yang memakai perhiasan emas dan enggan mengeluarkan zakatnya dijanjikan balasan azab neraka. Beliau turut menukilkan pandangan al-Khattabi (w.388H) yang menyatakan bahawa azab terhadap wanita dalam hadith tersebut menyamai azab pedih yang dijanjikan dalam neraka oleh Allah SWT dalam ayat 35, Surah al-Taubah yang bermaksud "emas dan perak akan dipanaskan dalam neraka jahanam untuk dijadikan bahan untuk membakar dahi, lambung dan bahagian belakang mereka". (Al-'Aini, 2001). Justeru, al-Mundhiri (w. 656H) menyatakan Nabi SAW dalam hadith tersebut telah mengaplikasikan pendekatan berbentuk amaran kepada Asma' binti Yazid sebagai peringatan terhadap wanita-wanita yang enggan menunaikan zakat perhiasan wanita (Al-Mundhiri, 2002). Sehubungan itu, Nabi SAW telah memberikan petunjuk mengenai penggunaan kaedah berbentuk amaran terhadap wanita dalam menyampaikan peringatan tentang perkara-perkara yang ditegah dalam agama agar dijauhi oleh wanita.

Tambahan pula, Nabi SAW turut mempraktikkan pendekatan berbentuk amaran sebagai ancaman terhadap godaan syaitan terhadap wanita yang keluar daripada rumahnya tanpa menjaga aurat. Justeru, menurut Syah Wali Allah al-Dihlawi (w. 1176H), Nabi SAW menyampaikan amaran tersebut dalam bentuk kiasan dengan menyamakan wanita sebagai aurat kerana akan menimbulkan fitnah sekiranya keluar

daripada tempat kediamannya tanpa sesuatu hajat atau keperluan (Al-Dihlawi, 1990). Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud dalam hadith berstatus *hasan sahib gharib* seperti berikut (Al-Tirmidhi, 1977):

الْمَرْأَةُ عَوْرَةٌ فَإِذَا خَرَجَتْ اسْتَشْرِفَهَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya: ““*Wanita itu adalah aurat, Sekiranya dia keluar (daripada rumahnya) syaitan akan menghiasinya.*””

Al-Munawi menyatakan bahawa dalam hadith tersebut Nabi SAW mengisyaratkan wanita sebagai aurat yang wajib ditutupi dan penampilan wanita di hadapan lelaki boleh mengundang fitnah. Sekiranya wanita keluar daripada tempat kediamannya syaitan akan memfokuskan pandangannya terhadap mereka untuk menyesatkannya dan menyesatkan sesiapa yang melihatnya lalu menjerumuskan sama ada wanita tersebut atau lelaki yang melihatnya ke dalam fitnah. Di samping itu, berkemungkinan juga syaitan yang dimaksudkan oleh Nabi SAW adalah kiasan terhadap manusia bersifat fasik yang akan melontarkan pandangannya terhadap wanita yang tampil di hadapan mereka (Al-Munawi, 1972). Justeru, menurut al-Mundhiri (w. 656H) Nabi SAW telah menggunakan pendekatan berbentuk amaran terhadap wanita agar berwaspada dengan godaan syaitan yang berusaha menguasai wanita yang keluar daripada kediamannya dengan menjaga aurat mereka (Al-Mundhiri, 2002). Oleh yang demikian, pendekatan seumpama ini dapat mengerunkan wanita agar menutup aurat dan tidak meninggalkan kediaman tanpa keperluan kerana wujudnya ancaman daripada godaan syaitan untuk menjerumuskan mereka ke dalam fitnah.

Di samping itu, Nabi SAW juga turut menggunakan pendekatan berbentuk amaran dalam menyampaikan peringatan agar wanita membentengi diri daripada api neraka. Justeru, Nabi SAW menggunakan pendekatan ini secara langsung terhadap 'Aisyah RA agar menjaga dirinya daripada api neraka dengan amalan bersedekah walaupun dalam kuantiti yang kecil. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Aisyah RA sendiri dalam sebuah hadith dengan *sanad* yang *sahih* seperti berikut (Ahmad, 2009):

اَنْقُوا النَّارَ وَلَا بِشِقٍ تَمُرَّةٌ

Maksudnya: “Bentengilah diri kamu daripada api neraka sekalipun dengan menyedekahkan separuh biji kurma”.

Badr al-Din al-'Aini (w. 855 H) menyatakan Nabi SAW mengalakukan amalan bersedekah walaupun hanya dengan separuh biji kurma. Justeru, hadith tersebut berbentuk gesaan Nabi SAW agar bersedekah tanpa mengira jumlah yang disumbangkan banyak atau pun sedikit sebagai membenteng diri daripada azab api neraka (Al-'Aini, 2001). Sehubungan itu, menurut Mundhiri (w. 656H) hadith tersebut mengandungi pendekatan berbentuk amaran yang telah digunakan oleh Nabi SAW terhadap wanita agar sentiasa bersedekah untuk dijadikan sedekah sebagai perisai yang dapat menyelamatkan diri daripada siksaan api neraka (Al-Mundhiri, 2002). Justeru, penerapan kaedah ini terhadap wanita adalah penting bagi mengawal wanita supaya tidak terjebak dalam perkara-perkara yang dimurkai oleh Allah SWT.

Tambahan pula, Nabi SAW telah menggunakan pendekatan berbentuk amaran sebagai peringatan dan ancaman terhadap kaum wanita agar menjauhi larangan-larangan yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT dan azab neraka yang dahsyat. Misalnya terhadap 'Aisyah RA isteri Nabi SAW, terhadap Asma' binti Abu Bakr RA dan juga ancaman terhadap wanita tidak menjaga auratnya serta ancaman kepada wanita yang meminta diceraikan tanpa sebab.

Sehubungan itu, pendekatan ini mengajak sasaran agar menjauhkan diri daripada melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah. Salah satu daripada penyampaiannya adalah dengan memberikan amaran dan menimbulkan perasaan gerun dalam diri orang yang ingin melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh agama (Abd Aziz, 2001). Bahkan pada asasnya pendekatan tersebut perlu menjadi panduan atas pendakwah kerana kaedah inilah yang telah digunakan para utusan Allah SWT sepanjang perjuangan dakwah sebagaimana dirakamkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah (Zaidan, 2002). Oleh itu, pendekatan berbentuk amaran ini amat bersesuaian dengan fitrah jiwa kewanitaan yang lembut dan mudah menerima kebenaran lebih-lebih lagi sekiranya pendakwah bijak mengaplikasikan pendekatan ini. Justeru, pendakwah mempunyai tanggungjawab besar dalam menghidupkan semula pendekatan sebegini terhadap wanita sebagaimana yang telah diaplikasikan oleh Nabi SAW.

Kesimpulannya, sejajar dengan naluri semulajadi manusia lebih-lebih lagi wanita yang memiliki sifat takut terhadap ancaman azab dan siksaan di dunia mahu pun di akhirat menjadikan penggunaan pendekatan berbentuk amaran dilihat lebih efektif terhadap mereka. Kebijaksanaan pendakwah mengaplikasikan pendekatan tersebut dalam medan dakwah mampu membendung wanita agar sentiasa berada dalam lingkungan mengerjakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-larangan-Nya. Nas-nas yang sahih berkaitan balasan buruk dan ancaman perlu disampaikan untuk mengawal dan mengerunkan wanita daripada terjebak dalam sebarang kemaksiatan.

Pendekatan yang Berbentuk Perumpamaan

Pada dasarnya, pendekatan ini mempunyai pertalian dengan kalimah yang berasal daripada bahasa Arab iaitu *amthal* yang merupakan *jama'* daripada kata *mithal* atau *mathal* yang bererti serupa atau sesuatu yang sekiranya dibandingkan dengan sesuatu yang lain mendatangkan maksud yang sama dengan perkara yang diumpamakannya (Ibn Manzur, 2010). Manakala daripada sudut istilah pula bermaksud menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain dalam konteks menerangkan hukumnya dan mempengaruhi jiwa serta mendekatkan kefahaman seseorang terhadap perkara yang abstrak dengan mendatangkan ibarat yang konkret atau pun menerangkan perkara yang konkret dengan perkara yang mempunyai persamaan sama ada secara perumpamaan atau penyampaian perkataan (Ibn Qayyim, 2002). Justeru, dapat difahami pendekatan ini merujuk kepada penyampaian secara perumpamaan, bidalan, ibarat atau pun kiasan yang boleh menyakinkan wanita menerima mesej dakwah dalam gambaran yang jelas.

Sehubungan itu, pendekatan yang berbentuk perumpamaan ini dapat mendedahkan secara realistik dan terperinci makna serta maksud sesuatu perkara yang hendak disampaikan dengan mudah melalui susunan gaya bahasa dan gambaran yang menarik dan ringkas serta mempunyai kesan yang amat mendalam di dalam jiwa (Mohd Sukki, 2004). Tambahan pula, menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (w. 852H), Nabi SAW telah menggunakan pendekatan dalam bentuk analogi ini untuk mendekatkan kefahaman sasaran dakwah menerima kebenaran dakwah (Ibn Hajar, 2011). Justeru, penggunaan kaedah tersebut melalui penyampaian kata-kata mampu membekas terhadap jiwa dan mempengaruhi minda seseorang sebagaimana yang telah dipraktikkan melalui lisan Nabi SAW. Begitu efektifnya pendekatan ini kerana dapat mendatangkan perumpamaan abstrak kepada yang konkret selain persamaan sesuatu yang ghaib kepada realistik (Mahfuz, 1958).

Sehubungan itu, Nabi SAW membawa mesej dakwah dalam bentuk pendekatan secara analogi (Abd Aziz, 2001) terhadap wanita berkaitan dengan etika berpakaian misalnya ikatan rambut atas kepala wanita diumpamakan menyamai bonggol-bonggol unta (Al-Munawi, 1972) sebagaimana dalam riwayat seperti berikut (Muslim, 1998):

صَنْفَانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا : قَوْمٌ مَعْهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ
الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ ، وَنِسَاءٌ كَأَسْيَاتٍ عَارِيَاتٍ
مُمْيَلَاتٌ مَائِلَاتٌ ، رُؤُوسُهُنَّ كَأَسْتِمَمَةِ الْبَحْتِ الْمَائِلَةِ لَا
يَدْخُلُنَ الْجَنَّةَ ، وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا ، وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ
مَسِيرَةِ كَدَّا وَكَدَّا

Maksudnya: "Dua golongan ahli neraka, yang belum aku (Nabi SAW) lihat (pada zaman baginda), salah satunya ialah golongan yang

memegang cemeti seumpama ekor lembu, mereka memukul orang dengan cemeti itu (seperti pegawai-pegawai keselamatan yang zalim membelasah manusia) manakala golongan kedua ialah wanita yang memakai pakaian tetapi umpama bertelanjang (pakaian nipis dan menampakkan segala kecantikan badan dan tiada menutup segala anggota badan) dan berjalan dengan berlenggang-lenggok (bergaya dan sompong) dan di atas kepala mereka umpama bonggol unta (mengikat kepala dengan perca kain supaya nampak besar kepala dan cantik), tiadalah perempuan-perempuan itu masuk syurga, dan tiadalah mencium bau syurga, sedangkan bau syurga itu boleh dihidu daripada jarak jauh begini dan begini.”

Al-Nawawi (w. 676H) menyatakan perumpamaan dua golongan yang belum pernah wujud pada zaman baginda dalam hadith di atas sebahagian mukjizat baginda. Salah satu golongan tersebut ialah wanita yang diumpamakan seperti berpakaian tetapi umpama bertelanjang. Perumpamaan ini merujuk kepada wanita berpakaian tetapi tidak mensyukuri nikmat-Nya, menutupi sebahagian anggota dan membiarkan sebahagian lain terdedah atau pun wanita yang berpakaian namun menampakkan bentuk tubuh. Selain itu, perumpamaan bonggol-bonggol unta merujuk kepada perbuatan meninggikan rambut melalui lilitan kain atau serban (Al-Nawawi, 1971). Justeru, pendekatan berbentuk perumpamaan terhadap wanita dengan mengambarkan wanita yang berpakaian tetapi seumpama bertelanjang dan perumpamaan bonggol-bonggol unta yang merujuk kepada bentuk rambut di atas kepala mendedahkan kefahaman sebenar tentang ciri-ciri pakaian wanita yang ditegah dalam agama. Oleh itu, kaedah tersebut dibentangkan oleh Nabi SAW walaupun dalam bentuk perumpamaan yang mudah namun mengandungi maksud yang mendalam dan komprehensif terhadap wanita untuk menentukan pemilihan pakaian mereka agar menepati syarak.

Sehubungan itu, pendekatan berbentuk perumpamaan Nabi SAW dalam hadith tersebut mampu memberikan gambaran jelas terhadap panduan berpakaian wanita solehah yang sepatutnya. Larangan kod etika berpakaian wanita yang dikemukakan melalui pendekatan tersebut adalah berbentuk analogi yang amat berkesan terutamanya bagi golongan yang berakal untuk mendesak mereka berfikir secara rasional. Tambahan pula, Yusuf al-Qaradawi menegaskan perumpamaan rambut wanita seperti bonggol unta dalam hadith tersebut adalah mukjizat Nabi SAW. Baginda melalui pandangan ghaibnya seolah-olah dapat melihat secara langsung situasi kehidupan masa kini iaitu kewujudan kedai-kedai salun pendandan rambut untuk mencantikkan dan mengubah rambut wanita mengikut pelbagai bentuk fesyen serta menawarkan perkhidmatan mengantikan rambut asal dengan rambut palsu agar kelihatan lebih menarik dan mengoda (Al-Qaradawi, 1997). Lantaran itu, pendekatan

berbentuk kiasan seperti yang telah dibincangkan di atas adalah salah satu contoh untuk mendekatkan kefahaman wanita berkaitan tegahan dan larangan dengan membentangkan contoh-contoh perumpamaan yang realistik dan bersifat nyata.

Selain itu, Nabi SAW turut mendarangkan pendekatan dalam bentuk ini terhadap wanita yang berstatus isteri yang baik. Justeru, isteri solehah diumpamakan seperti seekor gagak yang mempunyai sayap atau paruh berwarna putih kerana sukarnya mendapatkan seorang isteri yang mempunyai ciri-ciri baik. Perkara ini sebagaimana yang diriwayatkan melalui hadith *sahih* berikut (Al-Baihaqi, 2002):

خَيْرُ نِسَائِكُمُ الْوَلُودُ الْمَوَاتِيَةُ الْمُوَاسِيَةُ إِذَا أَنْقَبَنَّ اللَّهُ وَشَرُّ نِسَائِكُمُ
الْمُتَبَرِّجَاتُ الْمُتَخَلِّلَاتُ وَهُنَّ الْمُنَافِقَاتُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مِنْهُنَّ إِلَّا مِنْ
الْغَرَابِ الْأَعْصَمِ

Maksudnya: “Sebaik-baik isteri dalam kalangan kamu ialah yang bersifat kasih sayang, mempunyai zuriat yang banyak serta menyenangkan sekiranya mereka bertakwa kepada Allah SWT. Dan seburuk-buruk isteri kamu ialah berlebihan dalam berhias (tabaruj), dan banyak helah (memperdaya suami). Mereka adalah munafik yang tidak akan masuk syurga kecuali seperti gagak yang kedua kaki dan paruhnya berwarna merah.

Al-Munawi (w. 1031H) menyatakan hadith berkenaan mengandungi perumpamaan ciri-ciri isteri yang baik dan isteri yang buruk. Nabi SAW menerangkan isteri-isteri yang berakhhlak buruk tidak akan memasuki syurga. Justeru, hadith tersebut mengisyaratkan hanya sedikit dalam kalangan isteri yang berjaya memasuki syurga. Rentetan daripada itu, Nabi SAW mendarangkan perumpamaan seekor burung gagak sama ada yang mempunyai sayap atau kaki berwarna putih untuk dibandingkan dengan golongan isteri yang sedikit layak memasuki syurga. Tujuan perumpamaan tersebut untuk menunjukkan sedikitnya golongan yang wanita yang bergelar isteri layak masuk ke syurga kerana diumpamakan dengan sifat warna putih sebagai kemuliaan gagak (Al-Munawi, 1972). Justeru, pendekatan berbentuk perumpamaan yang dibentangkan oleh Nabi SAW memberikan gambaran jelas betapa pentingnya memiliki ciri-ciri isteri yang baik.

Kesimpulannya, aplikasi pendekatan tersebut terhadap wanita dapat menyalurkan mesej dakwah dalam gambaran yang menyeluruh dan mudah memandangkan perumpamaan yang digunakan berkaitan perkara-perkara yang berada di sekeliling sasaran dakwah dan bersifat realistik. Perumpamaan-perumpamaan yang dibentangkan oleh pendakwah terhadap wanita mampu menarik mereka berfikir

dengan kritis. Di samping itu, perkaitan wanita dengan perkara yang diumpamakan dapat menarik minat dalam kalangan wanita untuk lebih mengetahui secara logik dan kritis mesej dakwah yang hendak disampaikan berbanding dengan penyampaian tanpa perumpamaan. Justeru, pendakwah perlu bijak menggunakan cara ini untuk mendekatkan kefahaman, menarik perhatian dan memaksa wanita berfikir berbanding dengan teguran secara langsung yang kurang efektif.

Pendekatan yang Berbentuk Penceritaan

Penceritaan dalam bahasa Arab berlegar di sekitar kalimah *qisah* yang dari sudut bahasanya bermaksud mencari atau mengikuti jejak (Al-Qattan, 1992) atau boleh juga difahami sebagai sesuatu perkhabaran yang diriwayatkan. Istilah *qisah* dari sudut istilah pula bermaksud seni dalam mengkhabarkan sesuatu peristiwa dan perbuatan yang berlaku dengan gaya bahasa tertentu sehingga dapat menyampaikan maksud sebenar perkhabaran tersebut (Al-Asyqar, 1997). Istilah *qisah* diulang dalam al-Qur'an sebanyak 26 kali bahkan terdapat salah satu surah yang ke 28 dinamakan Surah al-Qasas (Al-Baqi, 1945). Kisah-kisah al-Qur'an dan al-Sunnah adalah perkhabaran benar yang mengandungi mesej larangan, suruhan, arahan atau sebagainya yang dapat disampaikan kepada sasaran dakwah dengan pendekatan yang lebih mudah kerana kisah-kisah tersebut mengandungi mesej dakwah secara tidak langsung (Abd Aziz, 2001). Bahkan, pendekatan yang berbentuk penceritaan diakui oleh al-Qur'an sebagai salah satu cara dalam penyebaran dakwah Islam yang memainkan peranan menjelaskan mesej dan matlamat dakwah (Ghalus, 1978). Oleh itu, dapat difahami bahawa pendekatan yang berbentuk penceritaan menjadi salah satu wadah penyampaian dakwah secara lisan dengan cara membawakan pengajaran melalui kisah-kisah yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Pendekatan yang berbentuk penceritaan daripada sudut pandang Abu al-Majd Sayyid Nawfal disifatkan sebagai salah satu prosa seni dan sebahagian cabang kaedah dakwah yang menarik. Keistimewaannya ialah kerana mengandungi unsur-unsur seperti susunan dialog, gaya persembahan yang menarik, plot, topik yang sama dan menerangkan penyelesaian permasalahan melalui urutan peristiwa-peristiwa dalam penceritaan. Al-Qur'an membentangkan kisah penceritaan mengandungi panji-panji dan prinsip-prinsip asas dakwah. Oleh itu, pendekatan yang berbentuk penceritaan menjadi salah satu daripada cara yang berkesan dalam medan dakwah (Nawfal, 2010). Selaras dengan pandangan tokoh berkenaan dapat difahami bahawa pendekatan ini adalah istimewa dengan bersumberkan al-Qur'an seperti yang telah diperaktikkan oleh Nabi SAW dalam menjayakan misi dakwah terhadap wanita.

Sehubungan itu, pendekatan dakwah dalam bentuk ini memainkan peranan yang signifikan dalam menarik minat dan memikat jantung hati sasaran dakwah untuk

menerima risalah dakwah melalui jalan penceritaan. Abd Aziz Mohd Zin membuktikan peranan tersebut dengan menyatakan bahawa kaedah tersebut yang disampaikan dalam bentuk penceritaan mudah diterima dan amat diminati ramai. Selaras dengan itu, kandungan al-Qur'an dan hadith sarat dengan bentuk-bentuk dakwah yang disampaikan dalam bentuk penceritaan. Persembahan penyampaian mesej dakwah melalui kisah-kisah tersebut berjaya menarik perhatian sasaran dakwah sepanjang masa dan zaman kerana cerita atau kisah sentiasa menjadi medium dakwah yang disukai oleh semua peringkat umur (Nawfal, 2010). Di samping itu, Muhammad Sulaiman al-Asyqar pula menegaskan bahawa al-Qur'an dan hadith bukanlah membawa kisah-kisah berbentuk khayalan atau imaginasi namun adalah kisah yang benar dan nyata agar manusia dapat mengambil pengajaran dan iktibar (Al-Asyqar, 1997). Justeru, pendakwah perlu menitikberatkan penggunaan pendekatan seumpama ini dalam penyampaian risalah dakwah. Keberkesanannya kaedah tersebut mampu menarik minat sasaran dakwah agar memberikan perhatian dan fokus terhadap kisah yang disampaikan dalam mengambil pengajaran dan iktibar.

Bahkan Abd Aziz Mohd Zin turut menegaskan kepentingan pendekatan yang berbentuk penceritaan dalam penyampaian risalah dakwah. Justeru, menurut beliau sorotan sejarah telah membuktikan cerita adalah unsur yang amat diminati masyarakat tanpa batasan peringkat umur, masa, kumpulan dan bangsa. Selaras dengan itu, al-Qur'an dan al-Sunnah banyak memaparkan mesej dakwah dalam bentuk penceritaan (Abd Aziz, 2001).

Berikutnya itu, Nabi SAW didapati menyampaikan pengajaran terhadap wanita melalui pendekatan yang berbentuk penceritaan. Menurut Sulaiman al-Asyqar, ini dapat dilihat daripada kisah Masyitah dan anaknya. Nabi SAW telah menggunakan pendekatan tersebut terhadap wanita dengan membentangkan cerita seorang wanita daripada keturunan Bani Israel yang bertubuh pendek sebagai pengajaran terhadap mereka. Nabi SAW mengambil berat terhadap wanita dengan menyampaikan kisah itu agar tidak mengikuti helah wanita daripada Bani Israel tersebut serta menjauhi menjadi fitnah terhadap kaum lelaki (Al-Asyqar, 1997) sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri RA seperti berikut (Muslim, 1998):

كَانَتْ امْرَأَةٌ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ قَصِيرَةً تَمْشِي مَعَ امْرَأَتَيْنِ
طُولَيْتَيْنِ فَأَخْدَثَتْ رَجُلَيْنِ مِنْ خَسْبٍ وَحَاجَمَا مِنْ ذَهَبٍ مُعْلَقٍ
مُطْبَقٌ ثُمَّ حَسْنَةٌ مِنْكَا وَهُوَ أَطْيَبُ الطَّيِّبِينَ فَمَرَأَتْ بَيْنَ الْمُرْأَتَيْنِ
فَلَمْ يَعْرُفُ هَا فَقَالَتْ بِيَدِهَا هَكَذَا وَنَقَضَ شَعْبَهُ يَدَهُ

Maksudnya: "Terdapat seorang wanita daripada keturunan Bani Israil yang bertubuh pendek, dia berjalan antara dua perempuan yang bertubuh tinggi. Oleh yang demikian, dia memakai kasut yang

dibuat daripada kayu (agar kelihatan tinggi) serta memakai cincin emas yang bersalut ukiran dan berongga yang berisi minyak wanyi. Kemudian dia mengenakan semburan wangian yang paling baik kualitinya lalu dia berjalan antara dua perempuan itu, sehingga orang tidak mengenalinya. Dia mengerakkan dan mengayunkan tangannya.”

Sulaiman al-Asyqar dalam mensyarahkan hadith tersebut menyatakan Nabi SAW menyampaikan kisah wanita tersebut dalam bentuk khutbah terhadap para Sahabat. Kisah tersebut mengandungi peringatan berkaitan fitnah keduniaan yang ditimbulkan oleh wanita sehingga golongan Bani Israel yang terdahulu telah terpedaya dan terjerumus ke dalam fitnah tersebut. Kisah tersebut adalah gambaran bermulanya kebinasaan dalam kalangan sesuatu masyarakat. Kebinasaan tersebut berlaku apabila golongan hartawan sanggup membazirkan wang bagi menyediakan nafkah keduniaan secara melampau terhadap isteri dalam bentuk pakaian, perhiasan dan makanan. Kemewahan tersebut mendorong golongan isteri yang kaya raya berhias secara berlebih-lebihan sehingga menimbulkan fitnah dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, wujud pula wanita daripada golongan miskin yang bersusah payah berlagak menghiasi dirinya agar kelihatan cantik walaupun dalam keadaan tidak mampu. Oleh itu, perbuatan kedua-dua golongan wanita tersebut menjadi punca bermulanya kebinasaan dalam sesuatu kaum. Nabi SAW memaparkan kisah tipu daya wanita daripada keturunan Bani Israel yang bertubuh pendek yang memerah otak untuk menghiasi dirinya bagi menggoda kaum lelaki. Kisah tersebut disampaikan agar umat Islam dapat mengambil pengajaran daripada fitnah keduniaan yang ditimbulkan oleh golongan wanita-wanita yang terpedaya dengan keduniaan sehingga mendatangkan kebinasaan terhadap sesuatu kaum (Al-Asyqar, 1997). Justeru, kisah di atas yang dipaparkan oleh Nabi SAW dalam bentuk berkhutbah memperlihatkan cara berdakwah secara penceritaan terhadap wanita agar tidak terjerumus dalam kebinasaan yang sama.

Sehubungan itu, pendakwah masa kini yang menyambung usaha seruan dakwah para rasul perlu menjadikan kisah-kisah al-Qur'an dan hadith sebagai iktibar dan pengajaran dalam penyampaian dakwah (Ghalus, 1978). Kelebihan pendekatan yang mengandungi jalan penceritaan berkaitan sebab dan akibat sesuatu peristiwa menjadi unsur yang dapat memikat tumpuan pendengar. Iktibar dan pengajaran melalui kisah-kisah tersebut memberi kesan dalam jiwa sasaran kerana faktor lonjakan perasaan yang ingin mengetahui keseluruhan penceritaan yang disampaikan. Nasihat disampaikan secara lisan tanpa membawakannya dalam bentuk penceritaan dilihat oleh al-Qattan sebagai agak sukar untuk menarik perhatian pendengar untuk berfikir bahkan isi yang hendak disampaikan tidak akan difahami dengan baik. Situasi ini berbeza apabila mesej disampaikan secara penceritaan disebabkan oleh keupayaannya

mencetuskan gambaran sesuatu peristiwa dalam bentuk kehidupan yang realiti di samping mewujudkan tarikan kepada pendengar untuk mengikuti penceritaan yang disampaikan dengan penuh perasaan ingin tahu (Al-Qattan, 1992). Justeru, penyampaian dakwah secara penceritaan terhadap kaum wanita tidak boleh dipinggirkan.

Kesimpulannya, pendekatan yang berbentuk penceritaan adalah salah satu cara dakwah yang mengajak pendengar khususnya wanita untuk berfikir secara kritis dalam mengambil iktibar yang terkandung dalam penceritaan tersebut. Kisah-kisah yang berstatus *sahih* daripada sumber hadith perlu disampaikan oleh pendakwah terhadap wanita agar intipatinya dapat diterjemahkan dalam kehidupan mereka. Pendakwah juga perlu bijak menggunakan kelebihan pendekatan tersebut dalam menarik minat dan mengekalkan konsentrasi sasaran dakwah bagi memahami mesej yang disampaikan. Justeru, sesuatu mesej dakwah dapat disampaikan secara tidak langsung terhadap wanita melalui penyampaian yang menekankan pendekatan berbentuk penceritaan.

KESIMPULAN

Dakwah Nabi SAW selama 23 tahun di Mekah dan Madinah menunjukkan bahawa kaum wanita tidak dipinggirkan sama sekali. Sepanjang tempoh tersebut, Nabi SAW telah menyampaikan dakwah terhadap kaum wanita dalam pelbagai bentuk dan pendekatan yang berlainan, bersesuaian dengan situasi dan keadaan sasarnya. Pendekatan dakwah yang dipraktikkan oleh Nabi SAW terhadap wanita adalah berpandukan kaedah dakwah yang digariskan oleh Allah SWT sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Penekanan dakwah Nabi SAW kepada wanita adalah setara sebagaimana dakwah baginda kepada golongan lelaki. Malah beberapa hadith menunjukkan bahawa golongan wanita menjadi golongan sasaran utama dakwah Nabi SAW dengan menggunakan pendekatan tertentu dalam menambat hati mereka menerima kebenaran dakwah yang disampaikan seperti pendekatan dakwah yang berbentuk galakan, ancaman, perumpamaan dan penceritaan. Setiap pendekatan tersebut selain mempunyai kriteria-kriterianya yang tertentu, turut memainkan peranan yang tersendiri dalam membentuk kaedah dakwah yang berkesan terhadap kaum wanita.

Secara keseluruhannya pendekatan dakwah Nabi SAW merupakan suatu ilmu yang perlu dipelajari, dikaji dan dikuasai sebaiknya bagi memudahkan seruan Islam difahami dan diterima dengan hati yang terbuka. Rentetan itu, suatu langkah mengaplikasikan pendekatan yang pelbagai seharusnya dimanfaatkan oleh para pendakwah dalam menyampaikan seruan Islam khususnya terhadap wanita agar mereka tertarik untuk mengetahui dan memahami ajaran Islam berpandukan kaedah dakwah Nabi SAW.

RUJUKAN

- Abd Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Ya'la, Ahmad bin Ali. (1984). *Musnad abu Ya 'la*. (Husain Salim Asad, Ed.). Damascus: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Al-'Aini, Badr al-Din bin Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2001). *'Umdah al-qari syarh sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1995). *Silsilah al-ahadith-sahihah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2002). *Sahih sunan abi Dawud*. Riyadh: Maktabah Mu'assasah al-Gharas.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2003). *Al-Targhib wa al-tarhib*. (Abu 'Ubaidah Masyhur bin Hassan Ali Salman, Ed.). Bayrut: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1992). *Silsilah al-ahadith al-da 'ifah wa al-mawdu 'ah*. Riyadh: Dar al-Ma'arif.
- Al-'Amrani, Al-Jauharah binti Muhammad. (1998). *Da 'wah al-nabi SAW li al-nisa'*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Kuliah al-Da'wah wa al-I'lam. Universiti Muhammad bin Saud Islamiyah Madinah, Arab Saudi.
- Al-Asyqar, Muhammad Sulaiman. (1997). *Sahih al-qasas al-nabawi*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-'Aziz, Jum'ah Amin 'Abd. (1999). *Al-Da 'wah qawa'id wa usul*. Cairo: Dar al-Da'wah.
- Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad bin Husain. (2002). *Al-Sunan al-kubra*. (Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata Ed.). Bayrut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Baqi, Muhammad Fu'ad 'Abd. (1945). *Al-Mu'jam al-mufahras li alfaz al-Qur'an*. Cairo: Dar al-Kutub Misriyyah.
- Al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. (1995). *Al-Madkhal ila 'ilm al-da 'wah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (t.t.). *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar Tawq al-Najah.
- Al-Dihlawi, Syah Wali Allah. (1990). *Hujjah Allah al-balighah*. Bayrut: Dar Ihya' al-'Ulum.
- Al-Ghamidi, 'Abd Allah bin Ahmad al-'Alaf. (2005). *Kulluna du 'at fi da 'wah ila Allah*. Mekah: Dar al-Tarafin.
- Al-Ghazali, Muhammad. (2005). *Ma 'a Allah: dirasat fi al-da 'wah wa al-du 'at*. Cairo: Nahdah Misr.
- Al-Munawi, Muhammad 'Abd al-Rauf. (1972). *Fayd al-qadir syarah al-jami 'al-saghir*. Bayrut: Dar al-Ma'arif.
- Al-Mundhiri, 'Abd al-'Azim bin 'Abd al-Qawi. (2002). *Al-Targhib wa al-tarhib min al-hadith al-Syarif*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

- Al-Nasa'i, 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'aib. (2001). *Al-Sunan al-kubra*. (Syu'aib al-Arna'ut, Ed.). Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1971). *Al-Adhkar al-nawawiyah*. ('Abd al-Qadir al-Arna'ut, Ed.). Damascus: Dar al-Milah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1993). *Al-Muntaqa min kitab al-targhib wa al-tarhib li al-Mundhiri*. Cairo: Dar al-Wafa'.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Thaqafah al-da'iyyah*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qattan, Manna' Khalil. (1992). *Mabahith fi 'ulum al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tabrisi, Abi 'Ali al-Fadl al-Hasan. (t.t). *Majma' al-bayan fi tafsir al-Quran*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin Isa (1977). *Sunan al-Tirmidhi*. (Ahmad Syakir et al., Ed.). Cairo: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-'Uthaimin, Muhammad bin Salih. (2007). *Risalah fi al-da'wah ila Allah*. Riyadh: Mu'assasah bin 'Uthaimin al-Khairiyah.
- Ashur, Qasim. (2005), *Mausu 'ah al-wafa' fi akbar nisa'*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ghalus, Ahmad Ahmad. (1978). *Al-Da'wah al-islamiyah usulihha wa wasa'ilihha*, Cairo: Dar al-Kitab al-Islamiyyah.
- Hanbal, Ahmad bin Muhammad al-Shaibani. (2009). *Musnad al-imam Ahmad*. (Syu'aib al-Arna'ut et. al, Ed.). Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (2011). *Fath al-bari bi syarh saih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hibban, Abu Hatim Muhammad. (1952). *Sahih ibn Hibban*. (Ahmad Syakir, Ed.), Bayrut: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (2010). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar al-Sadir
- Ibn Taimiyyah, Taqi al-Din Ahmad bin Abd al-Halim. (1993), *Al-Jawab al-sahih li man badal din al-masih*. Riyadh: Dar al-'Asimah.
- Ibn Taimiyyah, Taqi al-Din Ahmad bin Abd al-Halim. (2005). *Majmu' al-fataawa*. Bayrut: Dar al-Wafa'.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muhammad bin Abu Bakr. (2002). *I'lam al-muwaqqin 'an al-rabb al-'alamin*. (Abu 'Ubaidah Masyhur bin Hassan Ali Sulaiman, Ed.). Bayrut: Dar Ibn al-Jauzi.
- Mahfuz, 'Ali. (1958). *Hidayah al-murshidin ila tariq al-wa'iz wa al-khitabah*. Cairo: al-Matba'ah al-Uthmaniah.
- Mohd Sukki bin Othman. (2004). Manusia dalam al-qur'an: satu kajian dari perspektif al-mathal al-sarih, *Al-Bayan Journal al-Qur'an and al-Hadith*. 2, 37-56.

- Muslim, Hajjaj al-Qushayri. (1998). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Mughniz.
- Nawfal, Abu al-Majd Sayyid. (2010). *Asalib al-da'wah ila allah fi al-Qur'an al-karim*. Madinah: Majalah Universiti Islam Madinah.
- Syed Abdurahman Syed Hussin (1996), Uslub al-hikmah, al-mau'izah al-hasannah dan mujadalah bil husna mengikut pandangan ulamak. *Jurnal Usuluddin*. 4, 49-70.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. (2005). Pendekatan targhib dan tarhib dalam penyampaian dakwah. *Jurnal Usuluddin*. 21, 117-138.
- Wan Husein Azmi. (1984). *Ilmu dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaidan, 'Abd al-Karim . (2002). *Usul da'wah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.